


SENAMROBIK Prof. D Kamarudin bersama pegawai utama dan kanan universiti melakukan senamrobik bersama pelajar baharu UMS.



Sukan UMS gah di persada antarabangsa

NST 14.9.2017 15

KOTA KINABALU: Pencapaian sukan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus cemerlang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui penglibatan atlet-atlet dalam kalangan pelajar UMS yang mewakili negara ke beberapa kejohanan peringkat antarabangsa.

Terbaru, tiga atlet wanita UMS berjaya mengharumkan nama negara apabila masing-masing menyumbang pingat gangsa buat kontinjen negara dalam temasya Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mereka adalah Fathin Faqihah Yusuf, pelajar tahun dua Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS dalam acara olahraga 4x400 meter, selain Christina Edris, pelajar

tahun tiga FPP dan Dayang Anak Maggie, pelajar pascasiswazah FPP yang turut menyumbang gangsa dalam acara ragbi wanita.

Naib Canselor UMS, Prof. Dr D Kamarudin D Mudin berkata, dengan kemudahan sukan di UMS serta usaha membudayakan sukan dalam kalangan pelajar terus digiatkan, UMS mampu melahirkan lebih ramai lagi atlet cemerlang seperti mereka.

“UMS mempunyai padang bola sepak ‘artificial turf’, gelanggang berbumbung UMS Arena, gelanggang bola tampar, gelanggang tenis dan lain-lain lagi.

“Kemudahan ini juga merupakan ruang latihan bagi pelajar ‘senior’ di UMS yang telah berjaya mengharumkan nama UMS di per-



BERSEMANGAT Siswa-siswi baharu UMS membuat barisan yang membentuk logo “Soaring Upwards”.

ingkat kebangsaan dan dunia seperti, kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Sukan SEA, Sukan Universiti Asean dan Sukan Universiti Dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Riadah sempena Minggu Suai Mesra Siswa-Siwi Baharu UMS 2017/2018 di Stadium UMS.

Beliau menambah, program riadah sebegini juga mampu mencetuskan minat dan kesungguhan kepada pelajar untuk beriadah dan bersukan.

“Saya sentiasa menyokong us-

aha membudayakan bersukan di dalam kampus kerana ia selaras dengan usaha negara untuk bangkit bersama melahirkan ‘The Thinking Athlete’ dalam kalangan pelajar universiti,” ujar beliau.

Pada majlis tersebut, Prof. D Kamarudin menyampaikan sijil penghargaan kepada tiga atlet wanita yang mendapat pingat gangsa pada Sukan SEA 2017, serta seorang pelajar tahun satu FPP, JI Fedalliah Clarita Jaimin yang turut mewakili pasukan bola sepak wanita negara di kejohanan Sukan SEA 2017.